

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Haji Abdul Rahman bin Haji  
Mohamad  
[Lipis]**

**TARIKH : 27.11.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 9**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian sama ada dalam aspek bantuan kewangan(seed money) dan khidmat pengurusan (maksimum RM 10,000) bagi pelaksanaan projek-projek ekonomi luar bandar; dan
- (b) sejauh manakah kejayaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang dijalankan oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta meningkatkan taraf hidup dan

seterusnya mengeluarkan masyarakat daripada belenggu kemiskinan

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

a)Antara bantuan yang diberikan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) kepada masyarakat dan usahawan desa bagi pelaksanaan projek-projek ekonomi adalah melalui program-program berikut:

1. Program ***Rural Business Challenge (RBC)*** yang memfokuskan penglibatan usahawan belia luar bandar berkonsepkan pertandingan penyediaan rancangan perniagaan. Tujuan program ini adalah untuk menggalakkan usahawan-usahawan muda dalam membangunkan aktiviti ekonomi di luar bandar. Melalui Program RBC pemenang-pemenang akan menerima geran perniagaan bagi pengembangan perniagaan mereka di luar bandar. Pada tahun 2012, seramai 11 orang belia telah dipilih sebagai pemenang dan diperuntukkan geran perniagaan berjumlah RM8.5 juta. Manakala pada tahun 2013, seramai 20 orang peserta telah diumumkan sebagai pemenang dengan geran berjumlah sebanyak RM17.65 juta.

2. Selain daripada itu, KKLW juga sedang melaksanakan **Program Desa Lestari** ke arah mencapai matlamat bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar. Di bawah program yang telah dilaksanakan bermula 2013, sebanyak 42 buah kampung telah dipilih sebagai projek perintis untuk pelaksanaan program-program ekonomi yang diterajui oleh Koperasi kampung. Setiap kampung telah diperuntukkan geran sehingga RM4 juta untuk pelaksanaan projek-projek ekonomi yang berdaya maju. Kampung-kampung terpilih akan menjadi model pembangunan desa untuk diaplikasikan kepada kampung-kampung yang lain di masa akan datang. Sehingga kini sebanyak RM70 juta telah diperuntukkan untuk memajukan projek ekonomi bagi kampung Desa Lestari yang telah dipilih.
  
3. Selain daripada bantuan berbentuk geran, KKLW juga menawarkan bantuan kewangan kepada usahawan desa dalam bentuk pembiayaan perniagaan melalui **Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)**. Skim ini menyediakan pembiayaan

kepada usahawan Bumiputera di luar bandar yang menjalankan perniagaan dalam bidang pembuatan, perkhidmatan, pertanian komersil dan pelancongan desa. Skim ini tidak mengenakan syarat cagaran. SPED dilaksanakan melalui dua bank iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank). Di bawah RMKe-10 (sehingga Oktober 2014), SPED telah membiayai seramai 1,295 orang usahawan luar bandar dengan nilai pembiayaan berjumlah RM113.26 juta.

- (b) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah diperuntukkan sebanyak RM25 juta bagi pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) pada tahun 2013. Sehingga tahun 2013, seramai **2,758 orang peserta telah diberi bantuan mesin, peralatan, premis/bengkel dan kursus pra-pelaksanaan projek, bimbingan dan bahan-bahan mentah pada kadar maksimum RM10,000 untuk setiap peserta miskin tegar produktif bagi menjalankan projek-projek ekonomi di dalam bidang perusahaan asas tani, perniagaan kecil-**

**kecilan, aktiviti perkhidmatan dan aktiviti pertanian/ penternakan.**

Berdasarkan beberapa siri kajian outcome yang dijalankan oleh Kementerian ini menunjukkan bahawa, pelaksanaan projek-projek PPP telah berjaya memberikan impak positif terhadap pendapatan bulanan golongan miskin dan miskin tegar. Secara purata **80% penerima bantuan PPP ini telah berjaya meningkatkan pendapatan melebihi paras Pendapatan Garis Kemiskinan Tegar (PGK) iaitu dengan purata pendapatan bulanan sebanyak RM627.** Selain itu, direkodkan juga projek PPP ini menyumbang tambahan pendapatan yang signifikan kepada kumpulan sasaran antara RM 150 hingga RM 500 sebulan.